

BAHASA MELAYU



 **saujana.sg**

PENGGOLONGAN KATA

kata kerja transitif

MOHAMED NAIM DAIPI



KATA KERJA TRANSITIF

KATA KERJA TAK TRANSITIF

kata kerja yang diikuti objek untuk menjadi frasa kerja yang dapat bertugas sebagai predikat ayat. Biasanya objek tersebut terdiri daripada kata nama atau frasa nama. Contoh:

- 1 Kami sedang membaca buku.
- 2 Doktor muda itu membedah pesakit jantung..
- 3 Ayah melepaskan burung peliharaannya.
- 4 Polis itu menjalankan tugasnya dengan baik.
- 5 Pak Zubir mencipta lagu Semoga Bahagia.
- 6 Kasim hendak mengecat rumahnya.

kata kerja transitif

Kata Kerja Transitif boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:



KATA KERJA TRANSITIF AKTIF

Kata kerja yang mengalami awalan meN- dengan atau tanpa akhiran -kan atau -i

KATA KERJA TRANSITIF PASIF

Kata kerja yang mengalami transformasi atau perubahan. Biasanya kedudukan objek berubah menjadi subjek ayat

KATA KERJA TRANSITIF AKTIF

Kata kerja yang mengalami awalan meN- dengan atau tanpa akhiran -kan atau -i

- Kamil sedang menulis surat itu.
- Aku hendak mengecat rumahku.
- Kami melukis gambar pemandangan di tepi pantai itu.
- Dia menyusun buku itu di dalam almari itu.

KATA KERJA TRANSITIF PASIF

Kata kerja yang mengalami transformasi atau perubahan. Biasanya kedudukan objek berubah menjadi subjek ayat.

- Surat itu sedang ditulis Kamil.
- Rumahku endak kucat.
- Gambar pemandangan di tepi pantai itu kami lukis.
- Buku itu di susunnya di dalam almari itu.

**KATA KERJA
TRANSITIF AKTIF****MONOTRANSITIF**
ekatransitif

- Ibu menyisir rambut adik yang lebat itu..
- Askar yang gagah itu menembak musuhnya.

BITRANSITIF
dwitransitif

- Azman mencarikan aku pekerjaan.
- Wanita tua itu memasak kami makanan tengah hari.

DITRANSITIF
semitransitif

- Usahanya yang bertahun-tahun itu telah menjadi
- Pelajar-pelajar mengengah tiga itu sedang makan.

Latihan:

Isikan tempat kosong dengan kata kerja transitif yang sesuai:

- 1 Penarik beca ini _____ topi.
- 2 Beliau sedang _____ becanya.
- 3 Dua orang pelancong ini sedang _____ beca.
- 4 Mereka hendak _____ bandar raya kita.
- 5 Mereka _____ barang-barang mereka di atas beca itu.
- 6 Mereka _____ terima kasih kepada pengayuh beca itu.

Latihan:

Isikan tempat kosong dengan kata kerja transitif yang sesuai:

- 1 Abang hendak _____ duitnya ke dalam celengan.
- 2 Kakak _____ keretapi gerak cepat ke univerisiti.
- 3 Singapura _____ beras dari Thailand.
- 4 Presiden Amerika itu _____ lawatannya ke negeri itu kerana penunjuk perasaan tidak dapat dikawal.
- 5 Kementerian Taman dan Riadah berusaha untuk _____ alam sekitar.
- 6 British telah _____ negeri jajahannya kerana para pejuang kemerdekaan terus membuat desakan.

TAMAT